



# Masyarakat maju mesti rajin membaca

B/H 22/2/2011 MS 38.

## Pesta Buku Kuala Lumpur harus jadi pemangkin buku dunia tanpa sempadan

**B**UKU dunia tanpa sempadan menjadi tema Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur kali ke-30 yang akan berlangsung pada 22 April hingga 1 Mei ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Industri penerbitan buku di Malaysia kini semakin rancak dengan ada pesta buku antarabangsa Kuala Lumpur ini yang menjadi pemangkin perkembangannya.

Ramai pengarang dan penerbit baru muncul. Kita sama-sama maklum yang Malaysia sedang menuju negara maju. Masyarakat yang maju mesti berilmu dan rajin membaca. Setiap sejuta penduduk negara maju menghasilkan tidak kurang 1,000 judul buku baru setiap tahun. Justeru, menjelang 2020 penduduk Malaysia akan mencecah 30 juta orang.

Oleh itu tidak kurang 30,000 judul buku baru harus diterbitkan. Sehingga 2010, kemampuan kita hanya sekitar 12,000 hingga 15,000 judul. Sangat jauh ketinggalan. Apakah sebabnya? Negara jiran kita Indonesia kini jauh lebih ke depan. Nampaknya daya kreativiti penulis tempatan tersekat-sekat.

Penerbit tempatan hanya menghasilkan buku yang laris. Buku picisan atau berbentuk hiburan menjadi tumpuan. Buku fiksi atau bukan fiksi yang mendapat tajaan akan diterbitkan pada bila-

ngan yang kecil. Buku pelajaran dan ulangkaji peperiksaan sangat popular. Demikian juga buku bercorak motivasi dan buku agama Islam, diulang cetak berkali-kali.

Bagaimanapun buku yang bersifat sejarah, biografi serta kajian ilmiah sangat sedikit. Kenapa jadi begini? Mana cendekiawan dan guru kita yang suatu ketika dulu sangat rajin berkarya?

"Tidak ada pasaran yang meluas serta hanya perpustakaan terpilih yang membelinya. Nak laku 1,000 naskhah pun payah. Tidak ada nilai komersial dan sukar nak buat untung. Itu sebabnya tak ramai berminat nak menerbitkannya," kata Presiden Ikatan Penerbit dan Pengedar Buku Bumiputera, Shaari Abdullah.

Apakah jalan penyelesaiannya? Untuk mendapatkan skrip bermutu tinggi, rasanya tidak menjadi masalah. Guru sekolah rendah dan menengah ada seramai lebih 350,000 orang. Sementara itu pensyarah IPTA dan IPTS serta maktab perguruan ada lebih 50,000 orang.

Maka dengan sendirinya jika sepuluh peratus saja mereka ini menulis, lebih 40,000 judul skrip buku dapat dihasilkan setiap tahun. Dengan sendirinya sasaran 30,000 judul buku mengikut nisbah negara maju dapat dicapai.

"Kami bukan tak mahu karang

buku tetapi siapa nak bayar?," tanya Abdul Wahab, seorang guru.

"Kos kajian pun tak lepas, ini belum lagi kos cetak. Kita susah payah karang buku, penerbit susah nak bayar royalti," ujar Dr Jeneri Amir.

"Siapa kata buku kita kurang laris? Buku terbitan kami macam goreng pisang," tempelak Pengarah Urusan Kumpulan Karangkrif, Datuk Hisammudin Yaacob.

Jelas sekali sama ada penulis atau penerbit daya kreativiti masing-masing adalah penentu utama. Jika mempunyai kebijaksanaan mengolah dan mengurus dengan baik, maka kejayaan pasti dapat dicapai.

"Kami setuju dengan pendapat yang mengatakan rakyat Malaysia

**“***Nak laku 1,000 naskhah pun payah. Tidak ada nilai komersial dan sukar nak buat untung. Itu sebabnya tak ramai berminat nak menerbitkannya”*

**Shaari Abdullah**  
Presiden Ikatan Penerbit dan Pengedar Buku Bumiputera

sudah mula rajin membaca. Buku terbitan kami juga mendapat sambutan hangat," kata wakil penerbit PTS.

Bagaimanapun, kita tidak boleh berputus asa. Kerajaan harus memberi insentif khas kepada penjawat awam seperti pensyarah dan guru guru berkarya.

Pengarang buku mesti diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Siapakah yang lebih layak menghasilkan buku mengenai disiplin murid jika bukan seorang guru? Apa gunanya ilmu seorang cendekiawan terbilang yang bergelar profesor jika tidak membukukan pengalaman masing-masing? Inilah kemelut masyarakat Malaysia di ambang negara maju.

Kemampuan Malaysia hari ini hanya sekitar 40 peratus saja. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur dilihat sebagai promosi terbaik. Kita harus memberi galakan kepada cendekiawan, pensyarah dan guru supaya aktif menulis.

Bajet untuk membeli buku karya tempatan haruslah diperbanyakkan. Perpustakaan mesti memberi peruntukan yang secukupnya. Peruntukan beli buku jangan pula diagihkan ke tempat lain seperti memperbaiki pejabat atau bilik air perpustakaan.

Golongan sarjana harus diwajibkan menulis buku untuk kenaikan pangkat. Dengan ada insentif se-

timpal dan PBAKL 2011 ini, maka diharapkan masyarakat Malaysia mengambil peluang menjadikannya medan berkarya dan mencari ilmu tanpa sempadan.

Belum lagi kita bercerita masyarakat rajin membaca. Buku adalah dunia tanpa sempadan. Masyarakat berilmu mesti rajin membaca. Tidak ada pilihan. Mahu tidak mahu kita mesti rajin membaca. Keterampilan kita disukai sejauh mana kita ini benar-benar mendalami dan kita tidak boleh mengharap buku buku import semata-mata.

"Atas kesedaran inilah maka Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) bersama-sama NGO dan persatuan buku berganding bahu menganjurkan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur ke tahap yang lebih cemerlang lagi," kata Pengarah MBKM, Dr A Azmi.

Beliau berpendapat pesta buku harus menjadi pemangkin kepada industri buku. "Kita tidak mahu asyik nak cari untung semata mata," katanya lagi.

Beliau mahu menjadikan pesta buku sebagai medan pertemuan untuk semua keluarga buku. Pengarang, penerbit, penjual dan pembaca harus menjadikan PBAKL 2011 ini sebagai tempat pertemuan silatulah orang buku.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Kontraktor Buku Malaysia.**